

Umno Tumpat

Oleh MANZAIDI MOHD AMIN

BH - 2 APR 2000

TUMPAT: Umno Bahagian ngaruh dan kepercayaan Tumpat mengecam kenyataan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang menolak usaha Raja-Raja Melayu menyatupadukan semula perpecahan umat Islam negara ini.

Pemangku ketuanya, Mansor Salleh, berkata penolakan itu jelas menunjukkan Pas berada dalam ketakutan akan kehilangan pe-

nyokongnya terhadap perjuangan parti itu.

“Pas sudah jauh terpeyang daripada ajaran Islam sebenar. Mereka menjadi punca umat Islam dan orang Melayu negara ini berpecah. Sebab itu apabila Umno meminta raja campur tangan, Pas menolak keras usaha itu dan menuduh raja terbabit dalam

politik. Tindakan Pas itu patut dikutuk dan sempena persidangan perwakilan Umno bahagian ini, hari ini (kelmarin), saya mewakili ahli Umno bahagian Tumpat mengutuk keras kenyataan Nik Aziz kerana menolak usaha raja menyatupadukan umat Islam,” katanya ketika berucap merasmikan mesyuarat agung perwakilan Umno bahagian

itu di Sekolah Kebangsaan Berangan, dekat sini, petang kelmarin.

Nik Aziz dalam kenyataan baru-baru ini menyebutkan Pas tetap menuduh raja berpolitik jika mereka campur tangan dalam menyelesaikan masalah perpecahan di kalangan umat Islam negara ini akibat perbezaan fahaman politik.

Ini kerana, menurut

kecam Nik Aziz

Murysidul Am Pas itu, perpecahan yang berlaku adalah bernunca darinada Umno yang didakwa membawa fahaman sekular dan jelas bercanggah dengan Islam. Sebelum ini, Majlis Raja-Raja Melayu yang bersidang di Kuala Lumpur, bersetuju mengambil tindakan tertentu bagi menyatukan semula umat Islam di negara ini yang

berpecah akibat politik.

Persetujuan itu dicapai selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi taklimat khas dalam mesyuarat berkenaan mengenai perpaduan umat Islam di negara ini sekarang.

Mansor berkata, dalam tempoh 54 tahun penguasaan Umno, parti itu sudah banyak meningkatkan

syiar Islam yang dilaksanakan secara berperingkat mengikut kemampuan.

“Kita sentiasa menerapkan nilai-nilai Islam dalam setiap bidang baik dalam sektor pembuatan, industri, pelancongan dan ekonomi negara. Inilah cara Umno, bukan macam Pas menghafus umat Islam supaya tidak berimamkan penyokong Umno. Bukan itu saja, pe-

mimpin mereka juga sewenang-wenangnya mengeluarkan ‘fatwa’ yang jelas bercatigga kehendak Islam sehingga menyebabkan umat Islam berpecah.

“Inilah akibatnya kalau menganggap diri terlalu bijak dalam hal ehwal agama, akhirnya ia berkesudahan dengan perpecahan. Dalam hal ini orang Melayu dan negara sendiri rugi,” katanya.